

Misi

Melahirkan Modal Insan Kamil yang Menyumbang kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara

Visi

Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa

Nilai Teras

ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN

Matlamat & Falsafah

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis mempunyai matlamat menghasilkan siswazah kejuruteraan yang berkeelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Program kejuruteraan dan perniagaan yang dijalankan di universiti ini pada dasarnya menitikberatkan dan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti program pengajian, pelajar turut dibekali kemahiran pengurusan, ilmu perakaunan, kemahiran keusahawanan, kemahiran berkomunikasi dan kursus kokurikulum tanpa mengesampingkan aspek pembangunan sahsiah. Pendekatan ini bertujuan melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang diikuti mereka, malah berupaya berdikari di samping mempunyai sifat mulia lagi terpuji.

Cokmar

Konsep '**pohon kehidupan**' telah diambil kira sebagai reka bentuk cokmar yang terdiri daripada akar, batang, daun dan bunga.



Bunga

Pada bahagian atas ukiran Bunga Kenanga terdapat mahkota kebesaran DiRaja bagi melambangkan negeri Perlis sebagai sebuah negeri beraja.

Enam kelopak bunga yang mengembang ke atas diperbuat daripada perak melambangkan Rukun Iman. Lapisan kelopak melambangkan jurusan-jurusan yang terdapat di UniMAP dan kepelbagaian graduan yang dihasilkan oleh UniMAP. Pada bahagian bawahnya pula terdapat tiga kelopak yang diukir dengan perak yang bermotifkan Bunga Pulut, Bunga Raya dan Bunga Kertas. Bunga Pulut ialah corak kesenian Melayu yang bercirikan alam yang dikaitkan dengan hasrat Universiti untuk menyinarkan cahaya ilmu di rantau ini. Motif Bunga Pulut ini melambangi hakikat bahawa menuntut ilmu itu tiada penghujungnya.



Daun

Terdapat tiga biji permata berwarna asas iaitu merah, hijau dan biru di bahagian bawah cokmar. Permata-permata ini melambangi komponen asas dalam penjanaan kehidupan melalui khasiat semula jadi alam sekitar. Daun menggambarkan juga tenaga fizikal dan spiritual komuniti kampus. Sepotong ayat suci al-Quran yang dipetik daripada surah al-Mujaadilah terukir pada bahagian ini. Ayat ini membawa maksud :

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu, dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat, dan (ingatlah) Allah maha mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”

Di bawah ayat tersebut terdapat ukiran nilai teras UniMAP iaitu ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN.

Konsep Reka Bentuk



Batang

Bahagian batang cokmar diperbuat daripada perak bersadur emas. Batang ini turut dihiasi motif Bunga Kenanga dan awan larat yang menggambarkan bahawa proses menuntut ilmu itu tiada batasan dan penghujungnya. Lima logo UniMAP pada batang menggambarkan lima Rukun Islam dan lima Rukun Negara yang perlu dipatuhi. Tujuh segmen (lilitan) pula melambangi kebesaran Tuhan.




Akar

Akar sebagaimana yang diketahui merupakan nadi kehidupan pokok yang berfungsi sebagai menyerap makanan untuk tumbesaran pokok. Sesuai dengan fungsi akar, bahagian bawah cokmar melambangi hasrat UniMAP untuk terus menyuburkan ilmu dalam kalangan pelajar. Ukiran Bunga Padi yang mengembang ke atas menunjukkan bahawa ilmu dan pendidikan mestilah disemai dari awal untuk melahirkan generasi yang berwawasan dan berkembang maju mengikut acuan yang dikehendaki.



UniMAP Sepintas Lalu



UniMAP Sepintas Lalu

Penubuhan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) diluluskan Jemaah Menteri Malaysia pada 25 Julai 2001 dengan nama asalnya Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Universiti ini merupakan universiti awam yang ke-17. Naib Canselornya yang pertama dilantik pada 16 Februari 2002. Pada 1 April 2002 universiti ini mula beroperasi di bangunan Yayasan Pok & Kassim, Kubang Gajah, Arau, Perlis dan menerima mahasiswa sulungnya pada 20 Jun 2002.

Pada 1 Februari 2007, universiti ini diberi nama baru iaitu UniMAP. Universiti ini yang bermula dengan hanya 119 orang mahasiswa sembilan tahun lalu, kini telah mempunyai 773 orang pelajar diploma, sebanyak 4,942 orang mahasiswa prasiswazah (50 orang daripada mereka mahasiswa antarabangsa), sebanyak 243 orang penuntut ijazah sarjana (27 orang daripada mereka penuntut antarabangsa) dan sebanyak 108 orang penuntut ijazah kedoktoran (36 orang daripada mereka

penuntut antarabangsa). Untuk melaksana tanggungjawabnya, UniMAP melantik sebanyak 672 orang staf akademik (tetap dan kontrak) dan 1,019 orang staf bukan akademik (tetap dan kontrak). Pada masa ini, UniMAP menawarkan enam program diploma kejuruteraan, 21 program sarjana muda kejuruteraan, dan dua program ijazah sarjana muda perniagaan, di samping menawarkan pelbagai program pascaijazah kejuruteraan. Terbaru, UniMAP turut menawarkan program MBA (Pengurusan Kejuruteraan).

Misi dan visi UniMAP telah diolah buat kali kedua selaras dengan penamaan semula UniMAP. Melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara merupakan misi yang disepakati oleh seluruh warga UniMAP. Konsep modal insan kamil yang dimaksudkan ialah pembangunan modal insan (pengetahuan, kemahiran, kerohanian, kesihatan dan sikap) secara holistik atau menyeluruh dan

seimbang yang selari dengan Falsafah Pendidikan Negara. Sesungguhnya misi yang diterapkan ini bertujuan supaya seluruh warga UniMAP tidak alpa tentang atau mengesampingkan kepentingan mempertingkatkan penghayatan nilai-nilai etika, moral dan akhlak dalam usaha membangunkan negara selain daripada memanfaatkan kekuatan akliah dan jasmaniah yang dikurniakan Allah. Visi UniMAP pula ialah institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa. Matlamat strategik UniMAP ialah menjadi antara 500 universiti terbaik di dunia menjelang tahun 2020.

Di UniMAP, terdapat pusat-pusat pemantapan akademik yang membantu segala bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pusat-pusat tersebut ialah Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan, Pusat Kejuruteraan, Pusat Kerjasama Industri, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Perpustakaan, Unit Pengajaran & Pembelajaran dan



UniMAP Sepintas Lalu

Institut Matematik Kejuruteraan yang menawarkan kursus-kursus Matematik Kejuruteraan.

Selain daripada pusat-pusat pemantapan akademik, UniMAP mempunyai pelbagai pusat lain yang berperanan menyokong bidang akademik dan penyelidikan. Pusat Hal-Ehwal Antarabangsa, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Pusat Pengajian Siswazah, Unit Penyelarasan Program Diploma, Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersialan dan Pengurusan Harta Intelek, Unit Pembangunan Agroteknologi, dan Unit Pembangunan Lestari adalah antara pusat-pusat yang ditubuhkan untuk melaksana pelbagai fungsi yang berkaitan.

Bagi memantapkan pengurusan dan pentadbiran Universiti, ditubuhkan Jabatan Pembangunan, Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti, Unit Multimedia, dan Unit Komunikasi Korporat.

Kebajikan pelajar diawasi semua staf UniMAP, dengan diterajui oleh Jabatan Hal-Ehwal Pelajar & Alumni. Bagi memantapkan penjagaan kebajikan keseluruhan warga UniMAP pula, Pusat Islam, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan Unit Kebudayaan & Rekreasi ditubuhkan. Dalam pada itu, UniMAP berhasrat menyumbang kepada kemajuan Negeri Perlis secara lebih giat lagi; dan satu daripada inisiatifnya ialah menubuhkan Unit Kajian Strategik.

UniMAP kini telah memasuki fasa kedua Pelan Strategik UniMAP iaitu fasa pemantapan dan pemerksaan bagi jangka masa lima tahun (2011-2015). "Keterlihatan Antarabangsa Yang Menyerlah" pada 2015 merupakan arah dan hala tuju baru UniMAP sehingga menjelang fajar 2015. Dalam usia UniMAP yang kini memasuki sembilan tahun, pelbagai kejayaan gemilang telah berjaya diraih. Dalam laporan Malaysian Qualifications Agency (MQA), UniMAP

dikategorikan sebagai universiti yang "sangat baik" mengikut Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2009 (SETARA) berbanding dengan tahap "memuaskan" pada tahun 2007; Indeks kemahiran insaniah (KI) siswazah yang bergraduat pada tahun ini mencapai 7.39 yang mengatasi KI peringkat nasional iaitu 7.23. Dari segi penyelidikan, mengikut Malaysia Research Assessment (MyRA), UniMAP mendapat tiga bintang dan berada di tempat ke-2 daripada 15 buah universiti kategori universiti bukan penyelidikan (RU) atau di tempat ke-7 daripada 20 buah IPTA. Di samping itu, kini, UniMAP tersenarai sebagai universiti berkualiti yang dianugerahi sijil OSHA 18001:2007, MS1722:2005 dan sijil ISO 9001:2008 di bawah skop perkhidmatan pendidikan tinggi program ijazah sarjana muda (kepujian) yang ditawarkan secara sepenuh masa.



UniMAP Sepintas Lalu



Istiadat Konvokesyen Khas

